

Praktis **PT3** Bahagian A

Soalan 1 – 6

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling** sesuai.

1. Penggunaan teknologi _____ proses penerokaan ilmu menjadi semakin mudah.
A bersebab C menyebabkan
B disebabkan D penyebab
2. Sebilangan besar syarikat perniagaan sanggup _____ sejumlah wang yang besar untuk mempromosikan produk mereka.
A perbelanjaan
B membelanjakan
C dibelanjakan
D membelanjai
3. Hasil pengeluaran bagi sektor pertanian dan perindustrian dapat _____ dengan penciptaan pelbagai jentera.
A meningkat
B meningkatkan
C ditingkatkan
D peningkatan

4. Kertas kerja tentang hujan asid telah _____ oleh Profesor Ibrahim dalam persidangan itu.
 A dibentangi
 B terbentang
 C dibentangkan
 D membentangkan
5. Kerajaan telah _____ jalan-jalan di kawasan bandar bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas.
 A pelebaran
 B memperlebar
 C diperlebar
 D dilebarkan
6. Negara India adalah antara negara yang mempunyai _____ penduduk yang tinggi di dunia.
 A padatan
 B kepadatan
 C terpadat
 D dipadatkan

Soalan 7 – 9

Ayat-ayat di bawah ini **mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.**

Pilih jawapan yang paling sesuai.

7. Pengambilan makanan yang berserat seperti
 A B
 buah-buahan dan sayur-sayuran akan mempercepatkan proses penghadaman.
 C
Tiada kesalahan.
 D
8. Cincin emas yang ditemui oleh Linda di
 A
 kantin pada waktu rehat semalam kepunyaan
 B C
 Cikgu Adira. Tiada kesalahan.
 D

9. Encik Umar berusaha untuk memenuhi
 A B
 kehendak pelanggannya tanpa memikirkan
 C
 keuntungan jangka pendek. Tiada kesalahan.
 D

Soalan 10 – 12

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.**

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

10. Kerajaan mengusaha tanah-tanah terbiar di daerah ini dengan tanaman pertanian.
 A mengusahakan tanah-tanah dibiarkan
 B mengusahakan tanah-tanah terbiar
 C pengusaha tanah-tanah terbiar
 D mengusaha tanah-tanah terbiar
11. Komputer dan bahan bacaan di pusat sumber itu perlu diperbanyakkan untuk kemudahan murid-murid.
 A diperbanyak untuk kemudahan
 B diperbanyak untuk dimudahkan
 C kebanyakan untuk kemudahan
 D diperbanyakkan untuk kemudahan
12. Sistem rangkaian Internet telah mewujudkan akses perniagaan secara talian yang memberikan peluang kepada para peniaga-peniaga perluaskan pemasaran produk mereka.
 A peniaga meluaskan pasaran
 B peniaga memperluaskan pasaran
 C perniagaan meluaskan pemasaran
 D peniaga-peniaga perluaskan pemasaran

Praktis PT3 Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Ibu bapa haruslah bertindak tegas dengan mengawalkan penggunaan telefon pintar anak-anak mereka.

2. Encik Fuad membelikan sebuah motosikal untuk memudahkannya berulang-alik ke tempat kerja.

3. Setelah menjalankan pemeriksaan diagnostik, pemuda itu disahkan menghidap penyakit kanser.

4. Tujuan pertandingan yang berbentuk inovasi ini diadakan adalah untuk menggalakkan penyelidikan dan pertemuan baharu dalam bidang pertanian dan industri asas tani.

5. Sains dan teknologi menjadi gerakan ke arah pencapaian Malaysia yang lebih dinamik dan progresif.

6. Aleeya dan Maisara memperolehi tempat pertama dalam pertandingan inovasi yang bertempat di Universiti Putra Malaysia semalam.
